



PROSEDUR OPERASI STANDARD UTILITI PASCA PKP

KEMENTERIAN UTILITI SARAWAK

ISI KANDUNGAN

- 1. SEKTOR: UTILITI PERKHIDMATAN PELANGGAN DAN PERUNCITAN**
- 2. SEKTOR: UTILITI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN**
- 3. SEKTOR: UTILITI SKIM SAMBUNGAN UTILITI LUAR BANDAR**
- 4. SEKTOR: UTILITI TAPAK BINA**
- 5. SEKTOR: TENAGA – GAS HIDROGEN**
- 6. SEKTOR: MINYAK DAN GAS**
- 7. SEKTOR: PENGEDARAN GAS**

SOALAN-SOALAN LAZIM
SEKTOR: PERKHIDMATAN PELANGGAN DAN PERUNCITAN

1. Apakah aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam Perkhidmatan Pelanggan dan Peruncitan?

Perkhidmatan Pelanggan dan Peruncitan adalah termasuk operasi kaunter pembayaran, bacaan meter dan pembilan di tapak, penyambungan dan pemotongan bekalan, penyelenggaraan dan tindakan pembaikan dan pengurusan aduan.

2. Apakah kapasiti dan masa operasi yang dibenarkan untuk aktiviti-aktiviti di atas?

Aktiviti-aktiviti di atas akan disambung semula dengan kapasiti 50% dan masa operasi di antara 7 pagi hingga 7 malam.

3. Bagaimanakah aktiviti-aktiviti seperti operasi kaunter pembayaran, bacaan meter dan pembilan di tapak, penyambungan dan pemotongan bekalan, penyelenggaraan dan tindakan pembaikan dan pengurusan aduan akan dilaksanakan?

Aktiviti-aktiviti ini akan dilaksanakan tertakluk kepada Arahan Tetap yang dikeluarkan oleh SDMC dan peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa dan mesti mematuhi Langkah Kawalan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4. Apakah kekerapan mengambil bacaan suhu badan pekerja?

Suhu badan setiap pekerja mesti diambil sekurang-kurangnya sekali dengan bacaan pertama diambil sebelum memulakan tugas.

5. Apakah protokol bagi memastikan penjarakan sosial di kaunter perkhidmatan?

Pekerja-pekerja mestilah sentiasa menggunakan *face mask*. Jumlah pelanggan yang memasuki premis dan berurusan di kaunter mestilah dihadkan. Pelanggan dengan suhu badan 37.5° Celsius ke atas tidak dibenarkan masuk. Tanda jarak disediakan di lantai, kerusi dan meja untuk memastikan jarak selamat dipatuhi.

6. Bagaimanakah pekerja-pekerja mengamalkan penjarakan sosial semasa penyerahan bil, kerja penyambungan bekalan/ pemotongan bekalan dan penyelenggaraan/ tindakan pembaikan?

Pekerja mestilah sentiasa menggunakan *face mask* dan tiada kontak dengan pelanggan dan mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter semasa menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut.

7. Berapa kerap nyah cemar perlu dilakukan?

Nyah cemar harus dilaksanakan dengan kerap dan mematuhi SOP dan prosedur nyah cemar untuk kenderaan syarikat dan seluruh ruang pejabat terutamanya ruang menunggu dan kaunter perkhidmatan pelanggan.

SOALAN-SOALAN LAZIM
SEKTOR: OPERASI DAN PENYELENGGARAAN

1. Apakah langkah yang perlu diambil oleh Majikan untuk mencegah/menyekat jangkitan wabak Covid-19 di tempat kerja?

Majikan perlu menyediakan garis panduan yang jelas kepada semua pekerja perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas bertugas seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. Apakah langkah-langkah penting yang perlu diambil oleh Majikan sebelum pekerja bertugas?

Majikan perlu mengambil tindakan berikut sebelum membenarkan pekerja memasuki tempat kerja:

- a) Memastikan pekerja mengisi Borang Pengisytiharaan Kesihatan
- b) Membuat saringan / pengukuran suhu badan. Pekerja yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5° celsius tidak dibenarkan memasuki premis pekerjaan dan diminta untuk membuat saringan di Pusat Saringan Kesihatan berdekatan.
- c) Memastikan setiap pekerja menggunakan penutup hidung dan mulut di tempat kerja.
- d) Mengingatkan pekerja untuk mematuhi penjarakan sosial (minima 1 meter), mempraktikkan tidak bersalaman, kerap mencuci tangan sama ada menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer*
- e) Proses nyah kuman sentiasa dilaksanakan di pejabat dan persekitaran yang terbuka seperti lif, lobi, tandas, pantri, bilik sembayang/ bilik rehat, tangga, bilik mesyuarat, bilik sumber, dan sebagainya.

3. Apakah yang perlu diambil oleh Majikan sepanjang tempoh bekerja?

Membuat pemantauan berterusan dari semasa ke semasa bagi memastikan langkah-langkah diatas dipatuhi sepenuhnya oleh semua pekerja.

4. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Majikan selepas pekerja bertugas?

- a) Sebelum meninggalkan tempat kerja, pekerja digalakkan untuk membersihkan diri
- b) Penutup hidung dan mulut serta sarung tangan yang digunakan hendaklah dibuang di bekas sampah yang bertutup
- c) Sisa buangan hendaklah dikendalikan mengikut kaedah yang disediakan oleh KKM

5. Apakah tanggungjawab pekerja dalam membantu Majikan menyekat penyebaran jangkitan Covid-19?

Pekerja sendiri hendaklah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kesihatan diri sendiri serta rakan sekerja yang lain, mengamalkan penjarakkan sosial serta langkah-langkah yang dinyatakan diatas

SOALAN-SOALAN LAZIM
SEKTOR: SKIM SAMBUNGAN UTILITI LUAR BANDAR

1. Bilakah Waktu Operasi yang dibenarkan untuk pembinaan Skim Sambungan Utiliti Luar Bandar?

Waktu dibenarkan beroperasi adalah daripada pukul 7 pagi hingga 7 petang iaitu maksima 12 jam sahaja.

2. Apakah skop kerja yang terlibat bagi Pembinaan Skim Sambungan Utiliti Luar Bandar?

Skop kerja bagi pembinaan di bawah Skim Sambungan Luar Bandar merangkumi penyambungan utiliti ke dalam rumah atau bilik dan penyambungan pendawaian utama sahaja.

3. Adakah terdapat aktiviti yang tidak dibenarkan dilakukan dalam Sektor Utiliti di bawah Pembinaan Skim Sambungan Utiliti Luar Bandar?

Ya. Sebarang aktiviti yang tidak dibenarkan mengikut arahan dari State Disaste Management Committee (SDMC).

4. Apakah operasi di kawasan PKPD dibenarkan?

Operasi di Kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan.

5. Apakah yang perlu disediakan oleh pihak majikan pada pasca PKP (Post MCO)?

Majikan perlu menyediakan protokol Pasca PKP (Post MCO) syarikat di tempat kerja yang meliputi langkah-langkah penting yang perlu dipatuhi oleh pekerja, kontraktor dan pelanggan mengikut standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

6. Apakah Langkah Pencegahan jangkitan perlu diambil di bawah Pembinaan Skim Sambungan Utiliti Luar Bandar?

Setiap pekerja, kontraktor dan pelanggan diwajibkan memakai *face mask* di kawasan umum premis / tapak pembinaan serta semasa berinteraksi dan kontraktor digalakkan untuk menyediakan *face mask* kepada pelanggan.

7. Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kecemasan melibatkan COVID-19 di kalangan pekerja?

Sekiranya berlaku kecemasan, Pelan Tindak Balas Kecemasan perlulah dipatuhi dan mana-mana pekerja yang mempunyai gejala COVID-19 adalah dilarang daripada bertugas sehingga disahkan sihat.

8. Berapakah bilangan pekerja yang dibenarkan bekerja di tapak pembinaan atau premis?

Bilangan pekerja di tapak pembinaan/ premis hendaklah bersesuaian bagi membolehkan penjarakan sosial dipatuhi.

9. Berapakah jarak minima penjarakan sosial yang ditetapkan di tapak pembinaan / premis?

Jarak antara individu semasa berada di tapak pembinaan / premis hendaklah sekurang-kurangnya 1 meter di antara satu sama lain dengan pemakaian *face mask*.

10. Apakah prosidur nyah cemar yang perlu dipatuhi majikan?

Majikan perlu menyediakan dan memastikan SOP dan Prosedur nyah cemar untuk kenderaan syarikat dipatuhi serta memastikan kerja-kerja nyah cemar dilakukan setiap hari selepas selesai semua tugas.

11. Apakah perkara yang perlu diambil kira untuk direkod?

Setiap majikan perlu mengurus, menyelia dan menyimpan rekod pekerja berhubung kehadiran, saringan kesihatan, pergerakan pekerja dan butiran peribadi pekerja.

SOALAN-SOALAN LAZIM
SEKTOR: UTILITI TAPAK BINA

1. Adakah kontraktor perlu mendapatkan kebenaran sebelum dibenarkan memulakan kerja?

Ya. Surat Kebenaran Beroperasi perlu dipohon terlebih dahulu daripada Kementerian Perdagangan & Industri (MITI) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (SDMC) untuk kelulusan sebelum kerja-kerja di tapak bina dibenarkan bermula. Kebenaran beroperasi adalah tertakluk kepada keputusan akhir oleh SDMC.

2. Di manakah kawasan yang tidak dibenar untuk memulakan kerja-kerja pembinaan?

Kawasan yang telah diisytihar berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenar untuk memulakan kerja-kerja pembinaan.

3. Berapakah kapasiti pekerja yang dibenarkan untuk bekerja di tapak bina?

Kapasiti pekerja yang dibenarkan adalah 100% namun setiap pelaksanaan kerja di tapak bina hendaklah mengikut keperluan semasa dan dirancang dengan mengambilkira bilangan pekerja yang seminima mungkin selaras dengan syarat kelulusan. Penjarakkan sosial seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu sekurang-kurangnya satu (1) meter hendaklah dilaksanakan di tapak bina agar pekerja tidak berada atau bekerja berdekatan antara satu sama lain dalam tempoh yang lama.

4. Adakah pekerja asing dibenarkan untuk bekerja?

Warga asing (pekerja atau majikan) wajib menjalani Ujian Makmal Covid-19 dan disahkan bebas sebelum dibenarkan memulakan kerja.

5. Adakah pekerja dikategorikan sebagai *Patient under investigation (PUI)* & *Person Under Surveillance (PUS)* dibenarkan bekerja?

Tidak. Mereka tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.

6. Adakah kontraktor perlu melantik pekerja bagi membuat penyelarasan langkah-langkah pencegahan penularan wabak Covid-19 di tempat kerja?

Ya. Penyelaras boleh terdiri daripada:

- a) Pegawai Keselamatan dan Kesihatan ('SHO'); atau
- b) Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan ('OSH-C'); atau
- c) Penyelia Tapak Bina ('SSS'); atau

- d) Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; atau
- e) Pemilik syarikat.

7. Apakah fungsi Protokol Pasca PKP di kawasan tapak bina?

Majikan perlu mempunyai Protokol Pasca PKP di kawasan tapak bina yang meliputi langkah-langkah penting yang perlu dipatuhi oleh pekerja, kontraktor dan pelawat serta tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kes jangkitan Covid-19 atau pun kes siasatan jangkitan Covid-19 terhadap pekerja, mengikut standard yang ditetapkan oleh KKM dan CIDB.

8. Apakah yang perlu dilakukan oleh majikan sekiranya pekerja mempunyai gejala Covid-19?

Sekiranya terdapat pekerja demam atau bersimptom dengan bacaan suhu badan ialah 37.5° Celcius atau lebih, atau mempunyai gejala, pekerja tidak dibenarkan memasuki kawasan tapak bina dan syarikat perlu merujuk pekerja ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.

Begitu juga bagi pekerja bergejala yang menginap di *Centralised Labour Quarters* (CLQ), mereka tidak dibenarkan memasuki kawasan penginapan pekerja dan syarikat perlu merujuk mereka ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.

9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat jangkitan Covid-19 di tapak bina?

Sekiranya terdapat jangkitan Covid-19 di tapak bina, proses nyah kuman hendaklah dilaksanakan oleh kontraktor dengan kadar segera mengikut tatacara yang ditetapkan oleh KKM. Kontraktor perlu mematuhi arahan dan nasihat selanjutnya daripada KKM.

10. Siapakah yang bertanggungjawab ke atas kerja-kerja nyah cemar di tapak bina?

Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja nyah cemar di tapak bina sekiranya didapati pekerja adalah positif Covid-19.

SOALAN – SOALAN LAZIM
SEKTOR: TENAGA - GAS HIDROGEN

1. Apakah aktiviti yang dirangkumi Sektor Tenaga - Gas Hidrogen yang dibenarkan untuk beroperasi Pasca PKP?

Bagi Sektor Tenaga – Gas Hidrogen, aktiviti yang dibenarkan beroperasi paska PKP adalah pelaksanaan projek-projek dan penyelenggaraan loji gas hydrogen.

2. Apakah aktiviti yang tidak dibenarkan untuk beroperasi?

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.

3. Apakah kapasiti dan waktu operasi yang dibenarkan?

Operasi dibenarkan dengan kapasiti 50% dengan waktu operasi yang antara jam 7 pagi hingga 7 malam.

4. Apakah tindakan yang perlu dilakukan majikan Pasca PKP?

Majikan perlu menyediakan protokol Pasca PKP (Post MCO) syarikat di tempat kerja yang meliputi langkah-langkah penting yang perlu dipatuhi oleh pekerja, kontraktor dan pelawat mengikut standard yang ditetapkan oleh KKM. Majikan juga perlu menubuhkan Jawatankuasa Menangani Covid-19 di premis masing-masing.

5. Adakah premis perlu menjalankan proses sanitasi dan pembersihan?

Ya. Proses sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari terutamanya di kawasan umum (common space) seperti lobi, lif, pantry, bilik mesyuarat, surau, tandas dan tempat pembuangan sampah / tong sampah.

6. Apakah tindakan kawalan kesihatan dan keselamatan yang perlu dilaksanakan di premis?

Premis diminta untuk melaksanakan semua langkah-langkah kawalan kesihatan kesihatan dan keselamatan seperti berikut:

- a) Menjalankan saringan kesihatan di pintu masuk premis. Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° celcius ke atas dan mempunyai gejala berkaitan Covid-19 tidak dibenarkan memasuki premis.
- b) Mewajibkan pemakaian face mask bagi pekerja, kontraktor dan pelawat di kawasan umum premis dan semasa berinteraksi dengan orang lain, kecuali semasa menggunakan PPE tertentu.
- c) Memastikan penjarakan sosial antara individu sekurang-kurangnya 1-meter dengan pemakaian face mask.
- d) Digalakkan untuk mengadakan mesyuarat secara maya (virtual).

- e) Penyediaan tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dilaksanakan khususnya di kawasan-kawasan seperti ruang makan, tempat beratur untuk memasuki premis, lif, surau dan lain-lain yang berkenaan.
- f) Waktu rehat makan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat, bergantung dengan kesesuaian yang ditetapkan kilang/premis.

7. Adakah Kerajaan menanggung kos bagi sanitasi dan pembasmian kuman di premis?

Tidak. Kos sanitasi dan pembasmian kuman perlu ditanggung oleh pihak majikan.

8. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh majikan sekiranya mendapati terdapat pekerja yang bergejala Covid-19?

Pihak majikan hendaklah melaporkan kepada Pejabat Kesihatan terdekat atau merujuk pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° celsius ke atas yang menunjukkan sebarang simptom ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan. Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis.

SOALAN – SOALAN LAZIM
SEKTOR: MINYAK DAN GAS

1. Apakah aktiviti yang dirangkumi Sektor Minyak dan Gas yang dibenarkan untuk beroperasi Pasca PKP?

Berikut adalah aktiviti-aktiviti di bawah sektor minyak dan gas yang dibenarkan beroperasi;

- a) Penerokaan
- b) Pembangunan
- c) Pengeluaran
- d) Pemprosesan gas
- e) Pencairan
- f) Penapisan minyak
- g) Petrokimia

2. Apakah aktiviti yang tidak dibenarkan untuk beroperasi?

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.

3. Apakah kapasiti dan masa operasi dibenarkan untuk operasi kilang/premis?

Operasi dibenarkan dengan kapasiti 100% dan masa operasi adalah 24 jam.

4. Apakah tindakan yang perlu dilakukan majikan Pasca PKP?

Majikan perlu menyediakan protokol Pasca PKP (Post MCO) syarikat di tempat kerja yang meliputi langkah-langkah penting yang perlu dipatuhi oleh pekerja, kontraktor dan pelawat mengikut standard yang ditetapkan oleh KKM. Majikan juga perlu menubuhkan Jawatankuasa Menangani Covid-19 di premis masing-masing.

5. Berapa kerap nyahcemar perlu dilakukan?

Nyahcemar harus dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari terutamanya di kawasan umum seperti lobi, lif, pantry, bilik mesyuarat, surau, tandas dan tempat pembuangan sampah / tong sampah.

6. Apakah tindakan kawalan kesihatan dan keselamatan yang perlu dilaksanakan di kilang/premis?

Premis diminta untuk melaksanakan semua langkah-langkah kawalan kesihatan kesihatan dan keselamatan seperti berikut:

- a) Menjalankan saringan kesihatan di pintu masuk premis. Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° celsius ke atas dan mempunyai gejala berkaitan Covid-19 tidak dibenarkan memasuki premis.

- b) Mewajibkan pemakaian face mask bagi pekerja, kontraktor dan pelawat di kawasan umum premis dan semasa berinteraksi dengan orang lain, kecuali semasa menggunakan PPE tertentu.
- c) Memastikan penjarakan sosial antara individu sekurang-kurangnya 1-meter dengan pemakaian face mask.
- d) Digalakkan untuk mengadakan mesyuarat secara maya (virtual).
- e) Penyediaan tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dilaksanakan khususnya di kawasan-kawasan seperti ruang makan, tempat beratur untuk memasuki premis, lif, surau dan lain-lain yang berkenaan.
- f) Waktu rehat makan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat, bergantung dengan kesesuaian yang ditetapkan kilang/premis.

7. Adakah Kerajaan menanggung kos bagi sanitasi dan pembasmian kuman di kilang/premis?

Tidak. Kos sanitasi dan pembasmian kuman perlu ditanggung oleh pihak majikan.

8. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh majikan sekiranya mendapati terdapat pekerja yang bergejala Covid-19?

Pihak majikan hendaklah melaporkan kepada Pejabat Kesihatan terdekat atau merujuk pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° celcius ke atas yang menunjukkan sebarang simptom ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan. Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis.

SOALAN - SOALAN LAZIM
SEKTOR: PENGEDARAN GAS

1. Apakah aktiviti yang dirangkumi Sektor Pengedaran Gas yang dibenarkan untuk beroperasi Pasca PKP

Semua aktiviti pengedaran gas seperti yang termaktub di dalam *Distribution of Gas Ordinance 2016* (DGO 2016) adalah dibenarkan untuk beroperasi. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut;

- a) Mengimport gas untuk regasifikasi, pemprosesan, rawatan, pemisahan, penggunaan atau pengedaran;
- b) Regasifikasi gas;
- c) Rawatan, pemisahan atau pemprosesan gas;
- d) Pengangkutan gas;
- e) Membina, mengurus atau menyelenggara saluran paip gas atau alat atau peralatan atau mekanisme lain untuk pengedaran gas;
- f) Membekalkan gas; dan
- g) Runcit gas.

2. Apakah aktiviti yang tidak dibenarkan untuk beroperasi?

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.

3. Apakah kapasiti dan masa operasi dibenarkan untuk operasi kilang / premis / kaunter pembayaran?

Operasi dibenarkan dengan kapasiti 100% dengan masa operasi antara 7 pagi hingga 7 malam.

4. Apakah tindakan yang perlu dilakukan majikan Pasca PKP?

Majikan perlu menyediakan protokol Pasca PKP (Post MCO) syarikat di tempat kerja yang meliputi langkah-langkah penting yang perlu dipatuhi oleh pekerja, kontraktor dan pelawat mengikut standard yang ditetapkan oleh KKM.

5. Apakah tindakan kawalan kesihatan dan keselamatan yang perlu dilaksanakan di kilang / premis / kaunter pembayaran?

Kilang / premis / kaunter pembayaran diminta untuk melaksanakan semua langkah-langkah kawalan kesihatan kesihatan dan keselamatan seperti berikut:

- a) Menjalankan saringan kesihatan di pintu masuk premis. Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° celcius ke atas dan mempunyai gejala berkaitan Covid-19 tidak dibenarkan memasuki premis.

- b) Mewajibkan pemakaian face mask bagi pekerja, kontraktor dan pelawat di kawasan umum premis dan semasa berinteraksi dengan orang lain, kecuali semasa menggunakan PPE tertentu.
- c) Memastikan penjarakan sosial antara individu sekurang-kurangnya 1-meter dengan pemakaian face mask.

6. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh majikan sekiranya mendapati terdapat pekerja yang bergejala Covid-19?

Pihak majikan hendaklah melaporkan kepada Pejabat Kesihatan terdekat atau merujuk pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° celcius ke atas yang menunjukkan sebarang simptom ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan. Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis.